

# FLANIL CREAM

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Methyl salicylate/Menthol/Eugenol (10.2% w/w / 5.44% w/w / 1.36% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Flanil*<sup>®</sup>
2. Bagaimana *Flanil*<sup>®</sup> berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Flanil*<sup>®</sup>
4. Cara menggunakan *Flanil*<sup>®</sup>
5. Semasa menggunakan *Flanil*<sup>®</sup>
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Flanil*<sup>®</sup>
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Flanil*<sup>®</sup>

Kelegaan sementara kesakitan ringan pada otot dan sendi yang dikaitkan dengan arthritis, ketegangan, seliuh dan reumatisme.

## Bagaimana *Flanil*<sup>®</sup> berfungsi

Ubat ini membesarkan saluran darah, menyebabkan rasa kesejukan diikuti dengan kesan melegakan kesakitan.

## Sebelum menggunakan *Flanil*<sup>®</sup>

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan *Flanil*<sup>®</sup> jika anda alah kepada sebarang ramuan.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan guna *Flanil*<sup>®</sup> jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan guna *Flanil*<sup>®</sup> jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula menggunakan

Sentiasa basuh tangan anda selepas menggunakan ubat supaya anda tidak tersebar ke kawasan yang sensitif seperti bibir atau mata anda. Sekiranya ini berlaku, cuci dengan banyak air bersih.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Bagi individu yang mengambil warfarin, penggunaan berlebihan di kulit untuk sakit otot atau sendi dapat meningkatkan peluang pendarahan.

## Cara menggunakan *Flanil*<sup>®</sup>

### - Berapa banyak harus digunakan

Sapukan ke kawasan yang berkenaan 3-4 kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Menggunakan *Flanil*<sup>®</sup> apabila anda mempunyai gejala

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, anda menelan ubat ini secara tidak sengaja. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tiada gejala berlebihan dos telah dilaporkan.

## Semasa menggunakan *Flanil*<sup>®</sup>

### - Perkara yang perlu dilakukan

Guna ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Flanil*<sup>®</sup>

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Flanil*<sup>®</sup> dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya kerengsaan berlaku, dos perlu dikurangkan atau mengurangkan kekerapan rawatan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Flanil*<sup>®</sup> boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kerengsaan tempatan jarang berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web <http://npra.moh.gov.my/> (*Public* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Flanil*<sup>®</sup>

### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan di tempat dingin dan kering pada suhu tidak melebihi 30°C.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Krim putih

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Methyl salicylate

Menthol

Eugenol

- Bahan tidak aktif

Sodium Lauryl Sulfate

Carbopol 934

Sodium Hydroxide

Microcrystalline Wax

Glyceryl Monostearate

Methylparaben

Propylparaben

Purified Water

- Nombor MAL

MAL19911697X

**Pengilang**

Biolab co., ltd.

625 Soi 7A Bangpoo Industrial Estate,

Samutprakarn 10280, Thailand.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Medispec (M) Sdn. Bhd.

55&57, Lorong Sempadan 2 (Off

Boundary Road), 11400 Ayer Item,

Penang, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

9.4.2018

**Nombor Siri**

NPRA(R4/1)220118/00021